



INTERNATIONAL JOURNAL OF
HUMANITIES, PHILOSOPHY
AND LANGUAGE
(IJHPL)
www.ijhpl.com



KAKITANGAN AWAM MELAYU JOHOR PADA ERA KOLONIAL BRITISH: SATU SOROTAN AWAL, 1914-1941

JOHORE CIVIL SERVICE IN COLONIAL ERA: AN EARLY REVIEW, 1914-1941

Siti Nur Atikah Daud^{1*}, Khairi Ariffin²

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: atikahdaud91@gmail.com

² Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: khairi.ariffin@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 26.05.2022

Revised date: 04.07.2022

Accepted date: 08.12.2022

Published date: 15.12.2022

To cite this document:

Daud, S. N. A., & Ariffin, K. (2022). Kakitangan Awam Melayu Johor Pada Era Kolonial British: Satu Sorotan Awal, 1914-1941. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 5 (20), 01-14.

DOI: 10.35631/IJHPL.520001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Artikel kajian ini berkenaan tinjauan awal kakitangan awam Melayu di Johor ketika era pentadbiran kolonial British pada tahun 1914 hingga tahun 1941. Peranan kakitangan awam Melayu telah bermula sejak penstrukturan semula pentadbiran negeri Johor lagi. Artikel kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini menekankan analisis dokumen dan sumber primer daripada fail-fail rekod-rekod kolonial seperti fail *Annual Report of Johor, List of Establishment*, fail-fail kerajaan negeri Johor berkaitan rekod keluar masuk kakitangan dan rekod syarat kelayakan jawatan. Dapatan kajian menunjukkan kemampuan kakitangan awam Melayu membantu mengurus tadbir pentadbiran negeri Johor membawa kepada pembentukan *Johor Civil Service* oleh Sultan Ibrahim pada tahun 1895 dengan melantik kakitangan awam muda untuk bekerja dengan tokoh-tokoh lama bagi membolehkan kakitangan awam generasi muda ini mendalami ilmu dan pengetahuan daripada kakitangan berpengalaman dalam pengurusan pentadbiran negeri Johor. Secara keseluruhannya, artikel ini akan memperlihatkan kemampuan orang Melayu untuk bekerja dalam pengurusan pentadbiran membolehkan mereka terus berkhidmat sebagai kakitangan awam dalam sistem pentadbiran selepas penguasaan kolonial British di Johor.

Kata Kunci:

Kakitangan, Awam, Melayu, Kolonial

Abstract:

This research was about the initial survey of Malay Civil Servants in Johor during British colonial administration in year 1914 to year 1941. The role of Malay civil servants has started since the restructuring of the Johor state administration. This study article uses a qualitative method. This analysis was focus on documents and primary sources from files of colonial records such as the Annual Report of Johor files, Johor state government files related to salaries and pension laws. Findings show that the ability of Malay civil servants to help manage the administration of the state of Johor led to the formation of the Johor Civil Service by Sultan Ibrahim in 1895 by appointing young civil servants to work with older figures to enable the younger generation of civil servants to deepen knowledge and knowledge from staff, experienced in Johor state administrative management. Overall, this article will show the ability of the Malays to work in administrative management enabling them to continue to serve as civil servants in the administrative system after the British colonial rule in Johor.

Keywords:

Civil Servants, Colonial, Malay

Pengenalan

Temenggung Daeng Ibrahim telah melaksanakan pembinaan bandar baharu pada tahun 1855 sebagai sebuah pusat pentadbiran dan pusat negeri kerajaan Johor. Tanjung Puteri dipilih sebagai lokasi ibu negeri Johor yang baharu. Pembukaan pusat pentadbiran baharu ini menjadi titik tolak lebih ramai penglibatan kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran negeri Johor apabila kakitangan awam Melayu ini diambil untuk bekerja di pusat pentadbiran negeri Johor di Teluk Belanga (Ahmad Fawzi Basri, 1988). Kesemua kakitangan yang berkhidmat dalam negeri dikenali sebagai *Johor Civil Service*. Skim perkhidmatan ini turut digelar Jawatan Tadbir Johor atau *Sultan's Civil Service*. Sistem perkhidmatan ini terbentuk secara tidak langsung bermula pada zaman Sultan Abu Bakar iaitu sewaktu penstrukturan semula pentadbiran Johor. Namun, perkhidmatan JCS ini ditubuhkan secara rasmi oleh Sultan Ibrahim pada tahun 1895 dengan melantik kakitangan awam muda untuk bekerja dengan tokoh-tokoh lama seperti Muhammad Ibrahim bin Munsyi Abdullah, Mohamad Hassan bin Tahir dan tokoh-tokoh lain (Mohd Samsudin, 2013). Tindakan ini dibuat bagi membolehkan kakitangan awam generasi muda ini mendalami ilmu dan pengetahuan daripada kakitangan berpengalaman dalam pengurusan pentadbiran negeri Johor. Kakitangan awam ini bekerja sepenuh masa dan dibayar gaji. Sultan menjadi tonggak utama pentadbiran negeri dan berkuasa menentukan jawatan calon-calon yang akan mengisi barisan pengurusan pentadbiran negeri. Menjelang tahun 1900 skim perkhidmatan ini telah mempunyai asas yang kukuh. Penambahbaikan dalam organisasi sentiasa dibuat namun tidak mengubah struktur asasnya. Melalui skim JCS ini, kesemua kakitangan awam terikat dengan Peraturan Butang-butang Jawatan atau turut dikenali sebagai Butang Lazim Jawatan Tadbir Johor yang diperkenalkan pada 1 Oktober 1899. Peraturan ini mengariskan dengan jelas susunan pangkat dan taraf kakitangan awam yang bekerja dalam pentadbiran negeri Johor (Rahimah Abdul Aziz, 2000).

Sorotan Kajian Lepas

Kajian yang dilaksanakan oleh Nordin Selat (1976) bertajuk “Kelas Menengah Pentadbir Melayu” membincangkan tentang kemunculan korektor golongan kakitangan awam Melayu kelas pertengahan di tanah Melayu. Di mana-mana negara, kelas menengah dianggap sebagai

satu kumpulan yang memainkan peranan penting dalam pentadbiran. Mereka ini dianggap sebagai ahli fikir, alat penghubung antara kelas atasan, pemimpin kelas bawahan, kumpulan yang ambil tahu dan melibatkan diri dalam masalah-masalah negara. Kelahiran mereka ini dianggap unik kerana walaupun bilangan mereka kecil namun memainkan peranan penting dalam masyarakat dan pentadbiran. Penulisan bertajuk “Pemodenan Johor: Peranan Golongan Pembesar” oleh Rahimah Abdul Aziz membincangkan peranan golongan pembesar dalam memodenkan negeri Johor, khususnya pada tahun-tahun sebelum merdeka. Dalam usaha mengekang kemasukan kolonial British dalam pentadbiran British, Temenggung Ibrahim berusaha membangunkan dan memajukan negeri Johor ke arah yang lebih baik. Baginda memperkuat sistem tradisional dengan memasukkan unsur-unsur, teknik dan kaedah baru yang diambil dari Barat untuk membentuk sistem pentadbiran Johor. Usaha ini dilaksanakan bagi menghalang tekanan dari luar dalam semua aspek politik, sosial, ekonomi dan agama. Usaha ini kemudiannya diteruskan pula oleh Sultan Abu Bakar. Sultan Abu Bakar telah menggantikan jabatan-jabatan tradisional kepada jabatan bercorak Barat. Jabatan-jabatan ini disusun semula dan dibentuk untuk menjalankan fungsi-fungsi baru negeri. Menjelang tahun 1873, negeri Johor mempunyai beberapa jabatan khusus berhubung kewangan, undang-undang, polis, penjara, laut, kesihatan, pelajaran dan kereta api yang diletakkan di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan. Jabatan-jabatan ini diketuai oleh pengikut-pengikut setia dan orang kepercayaan temenggung. Selain itu, jurnal Mohd Sarim Haji Mustajab (1993) bertajuk *Malay Elite Participation in the Johor Civil Service: Its Origin and Development Until the 1930's* menjadi rujukan pengkaji. Jurnal ini membincangkan penglibatan golongan elit dalam pentadbiran di Johor sehingga tahun 1930. Menurut Mohd Sarim, penglibatan golongan elit ini dapat dikesan sejak tahun 1870-an lagi iaitu sewaktu Johor berada di bawah pentadbiran Sultan Abu Bakar. Pada awal penubuhan pentadbiran pusat, kakitangan awam Melayu yang terlibat dalam pentadbiran ini terdiri daripada saudara terdekat dan sahabat baik sultan sendiri. Pada mulanya golongan ini terlibat dalam industri gambir dan lada hitam. Namun, hari demi hari semakin ramai orang luar yang berpindah ke Johor dan ini menjadikan penglibatan golongan elit ini terus berkembang kepada pengurusan pentadbiran pula. Selepas kemangkatan Sultan Abu Bakar pada tahun 1885, Johor melaksanakan penubuhan pentadbiran baharu bagi melatih kakitangan awam Melayu dalam mengekalkan kedaulatan negeri.

Kaedah Kajian

Kajian ini dihasilkan menggunakan kaedah Kualitatif iaitu penekanan terhadap menganalisis dokumen dan manuskrip. Dalam kaedah ini, analisis ke atas sumber-sumber primer yang terdapat di Arkib Negara Malaysia (ANM). Sumber-sumber primer berkenaan adalah terdiri daripada fail-fail rekod-rekod kolonial seperti fail *Annual Report of Johor*, fail-fail kerajaan negeri Johor berkaitan gaji dan undang-undang pencen. Bagi mendapatkan sumber sekunder, kajian ini banyak dilaksanakan di Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Peringatan Za'ba (UM), Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI dan Perpustakaan Negara Malaysia. Penilaian data dan keputusan kajian dilaksanakan secara analitik dan interprestasi hermeneutik. Penyelidikan ini turut menjalankan kajian terhadap kajian sebelum sebagai sumber historiografi oleh penyelidikkan terdahulu. Kajian yang diguna pakai adalah tesis, disertasi, buku dan jurnal.

Penglibatan Orang Melayu dalam Pentadbiran Johor

Dalam pentadbiran Johor, penglibatan orang Melayu dalam bermula dengan penglibatan golongan elit yang mempunyai hubungan rapat dengan sultan. Golongan ini tergolong kepada dua golongan. Golongan pertama terdiri daripada ketua kampung, para ulama dan para guru, iaitu individu terdekat dan terpenting dalam hierarki kampung yang lahir daripada pengikut

Temenggung Johor. Golongan bangsawan menjadi golongan kedua yang terlibat membantu pengurusan pentadbiran. Kemunculan golongan elit di Johor ini bermula dengan kumpulan pengikut Temenggung Abdul Rahman semasa era krisis takhta Johor. Mereka ini tergolong daripada golongan bangsawan Melayu-Bugis yang berjaya menyelamatkan diri pada abad ke-18 dan pernah berkhidmat dalam Mahkamah Johor-Riau. Golongan elit ini kemudiannya menyertai Temenggung Abdul Rahman ke Teluk Belanga dan membantu beliau membina kerajaan baharu di tanah besar (Christopher Stephen Gray, 1978). Penglibatan mereka ini terus berkembang seiring perkembangan pentadbiran negeri Johor.

Golongan elit mula terlibat dalam perkhidmatan pentadbiran apabila mereka turut sama menyandang pelbagai jawatan yang terdapat dalam pentadbiran. Penglibatan mereka telah bermula sejak tahun 1800-an lagi iaitu sewaktu Temenggung Daing Ibrahim mengambil keputusan memindahkan pusat pentadbiran dari Telok Belanga ke Johor Bahru. Mereka kemudiannya terus berkembang hingga ke pentadbiran Sultan Abu Bakar. Pada awal penubuhan kerajaan moden Johor, pentadbiran Johor diusahakan oleh ahli keluarga dan sahabat terdekat Sultan Abu Bakar. Walaupun pada mulanya peranan golongan elit ini adalah untuk mengusahakan tanaman lada hitam dan gambir, berlaku perkembangan migrasi luar masuk dan membuka penempatan di Johor. Keadaan ini menyebabkan terbinanya pentadbiran yang dimonopoli golongan elit ini (Mohd Sarim Haji Mustajab, 1993).

Pembentukan *Johor Civil Service (JCS)*

Dalam pentadbiran Johor, kakitangan awam yang berkhidmat dalam pentadbiran mereka dikenali sebagai *Johor Civil Service*. Skim perkhidmatan ini turut dikenali sebagai Jawatan Tadbir Johor atau *Sultan's Civil Service*. Pembentukan sistem perkhidmatan ini berlaku secara tidak langsung bermula pada zaman Sultan Abu Bakar iaitu sewaktu penstrukturan semula pentadbiran Johor. Namun, perkhidmatan JCS ini hanya ditubuhkan secara rasmi oleh Sultan Ibrahim pada tahun 1895 dengan melantik kakitangan awam muda untuk bekerja dengan tokoh-tokoh lama seperti Muhammad Ibrahim bin Munshi Abdullah, Mohamad Hassan bin Tahir dan tokoh-tokoh lain (Mohd Samsudin, 2013). Pembentukan sistem perkhidmatan ini membolehkan kakitangan awam generasi muda mendalami ilmu dan pengetahuan daripada kakitangan berpengalaman bagi menguruskan pentadbiran negeri Johor.

Kakitangan awam yang bekerja dalam pentadbiran Johor akan bekerja sepenuh masa dan turut dibayar gaji melalui skim gaji. Sultan pula menjadi tonggak utama pentadbiran negeri dan berkuasa menentukan jawatan calon-calon yang akan mengisi barisan pengurusan pentadbiran negeri. Melalui skim JCS ini, kesemua kakitangan awam terikat dengan Peraturan Butang-butang Jawatan atau turut dikenali sebagai Butang Lazim Jawatan Tadbir Johor yang diperkenalkan pada 1 Oktober 1899. Peraturan ini mengariskan dengan jelas susunan pangkat dan taraf kakitangan awam yang bekerja dalam pentadbiran negeri Johor (Rahimah Abdul Aziz, 2000).

Dalam sistem perkhidmatan ini, Menteri Besar merupakan jawatan tertinggi dan diikuti oleh Timbalan Menteri Besar serta Setiausaha Kerajaan. Setiausaha Kerajaan ini berperanan sebagai jurucakap Kerajaan. Seterusnya, jawatan kanan pentadbiran pula dibarisi oleh ketua-ketua jabatan, Ketua Perbendaharaan, Polis, Audit, Penjara dan jabatan Kerja Raya. Kemudian, lapisan seterusnya merupakan ketua-ketua jabatan yang menjadi Ahli Mesyuarat Kerajaan. Untuk makluman, di peringkat pentadbiran daerah (jajahan), Pesuruhjaya Muar merupakan kakitangan paling kanan dalam susunan kakitangan JCS ini. Hal ini dibuktikan dengan pelantikan bekas Residen Muar, Ungku Sulaiman sebagai Pesuruhjaya Besar Kerajaan. Selain

itu, bekas Pesuruhjaya Kerajaan Muar yang berkhidmat pada tahun 1896 hingga tahun 1903 iaitu Datuk Muhammad Mahbob pernah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan dan jawatan ini dilihat sama taraf dengan Pesuruhjaya Polis Negeri (Ahmad Fawzi Basri, 1988).

Pembentukan JCS ini bukan sahaja membantu membentuk birokrasi Johor secara tersusun dan kemas malah dalam masa yang sama meletakkan jentera kakitangan awam terutamanya kakitangan awam Melayu dalam satu kedudukan yang kukuh dan tidak mudah dihapuskan oleh pihak kolonial British sewaktu penjajahan mereka di Johor. Selain itu, JCS ini juga mempunyai identiti mereka sendiri dengan adanya Peraturan Butang-butang Jawatan Tadbir yang menjadi garis panduan kepada semua kakitangan awam yang berkhidmat dalam pentadbiran Johor. Keadaan ini dikuatkan lagi dengan Pekeliling Setiausaha Kerajaan yang menyentuh berkenaan susunan dan elaun kakitangan kerajaan pada tahun 1904. Pekeliling ini turut menetapkan juga susunan pangkat dan taraf kakitangan awam yang jelas dan menjadikan struktur kakitangan awam JCS ini mempunyai identitinya yang tersendiri dan tidak semudahnya disentuh atau dihapuskan oleh pihak luar.

Jika ditinjau perbandingan peranan *Malay Administrative Service* (MAS) dalam sejarah perkhidmatan awam Tanah Melayu dan JCS dalam sistem pentadbiran di Johor, pembentukan MAS ini dilaksanakan oleh pihak kolonial British untuk menjadikan orang Melayu sebagai “*junior partner*” kepada pegawai-pegawai British dalam *Malayan Civil Service* (MCS). Walau bagaimanapun, peluang orang Melayu bekerja dalam pentadbiran dilihat agak terhad kerana persepsi negatif yang dilontarkan oleh pihak kolonial British tentang keupayaan orang Melayu untuk bekerja dalam pentadbiran. Sekatan membenarkan orang Melayu untuk bekerja dalam pentadbiran sendiri ini kemudiannya menimbulkan rasa tidak puas hati golongan elit di Tanah Melayu. Bantahan ini disuarakan sendiri oleh Sultan Perak, Sultan Idris Shah 1 pada tahun 1903 semasa persidangan pemerintahan. Baginda turut menyuarakan tuntutan hak dan peluang yang lebih besar hendaklah diberikan kepada orang Melayu dalam pentadbiran. Ahli persidangan lain juga menyatakan sokongan yang sama dan berpendapat orang Melayu merupakan “anak jati” atau “bumiputera” Tanah Melayu dan mereka sepatutnya diberi layanan istimewa. Mereka juga mahukan pihak kolonial British melatih orang Melayu untuk terlibat dalam urusan pentadbiran (Arnold P. Kaminsky & Roger D. Long (ed.), 2016).

Keterbukaan kolonial British memberi peluang kepada orang Melayu terlibat dalam pentadbiran mereka hanya bermula pada abad ke 19, apabila kos mengekalkan pasukan kakitangan Barat untuk berkhidmat di Tanah Melayu mula membebankan mereka. Jalan terbaik bagi menyelesaikan masalah kewangan ini adalah dengan melatih orang Melayu sebagai pegawai perkhidmatan dalam pentadbiran. Oleh itu, pihak kolonial British menubuhkan satu institusi yang di panggil *Malay collage Kuala Kangsar* (MCKK) bertujuan untuk mendidik dan memberi latihan kepada bakal-bakal pegawai Melayu. Pada peringkat awal, peluang untuk memasuki maktab ini hanya terbuka kepada golongan aristokrat sahaja. Keadaan mula berubah apabila berlaku perkembangan dalam bidang pendidikan tempatan dan peluang memasuki maktab tersebut mula dibuka kepada golongan daripada keturunan rakyat biasa. Mereka yang lulus daripada MCKK akan diserapkan ke dalam MAS yang tarafnya lebih rendah daripada MCS.

Sebaliknya, penubuhan JCS di Johor telah terbentuk sebelum Johor dimasukkan secara rasmi dalam Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu lagi. Penubuhan JCS ini dilihat sebagai satu langkah oleh sultan memelihara kedudukan kakitangan awam Melayu yang bekerja dalam pentadbiran Johor. Selain itu, JCS juga mempunyai identiti mereka sendiri. Kakitangan Awam

yang dilantik perlu memenuhi syarat ketat yang ditetapkan oleh Peraturan Am. Peraturan Butang-butang Jawatan Tadbir pula menjadi garis panduan kepada semua kakitangan awam yang berkhidmat dalam pentadbiran Johor manakala Pekeliling Setiausaha Kerajaan pula berperanan dalam menjaga kebajikan kakitangan kerajaan. Kekuatan JCS diperlihatkan lagi dengan penyusunan pangkat dan taraf kakitangan awam yang bekerja dalam pentadbiran negeri Johor mempunyai persamaan yang hampir sama seperti MAS yang bekerja di bawah pentadbiran kolonial British. Butiran terperinci yang digariskan oleh sultan ini menjadikan struktur kakitangan awam JCS ini mempunyai identitinya yang tersendiri dan tidak mudah disentuh atau dihapuskan oleh pihak luar. Oleh itu, pihak kolonial British yang hadir dalam pentadbiran Johor tidak sewenang-wenangnya mengetepikan orang Melayu untuk bekerja dalam pentadbiran.

Kakitangan Awam Melayu dalam Pentadbiran Kolonial British

Pihak kolonial British masih cuba memperbaiki sistem pentadbiran mengikut corak pentadbiran mereka dengan membawa lebih ramai pegawai Inggeris masuk ke dalam pentadbiran Johor walaupun kedudukan pentadbiran negeri Johor telah mantap di bawah kuasa sultan. Kehadiran pegawai Inggeris ini menyebabkan berlaku perubahan dalam struktur pentadbiran negeri Johor bermula pada tahun 1914. Pertambahan jumlah kakitangan Inggeris yang berkhidmat dalam pentadbiran Johor menjadi bukti usaha kolonial British meningkatkan peranan pegawai Inggeris dalam jabatan. Pegawai-pegawai Inggeris ini mula dilantik untuk mengetuai jabatan-jabatan tertentu dalam kerajaan. Pelantikan pegawai Inggeris dalam pentadbiran Johor pada mulanya bertujuan untuk mengisi jawatan pentadbiran yang tidak mampu diisi oleh kakitangan Melayu atas faktor kekurangan pengalaman untuk menerajui jabatan tersebut. Namun, kehadiran pegawai Inggeris dan kakitangan kaum lain juga dilihat semakin meningkat tahun demi tahun.

Walau bagaimanapun, tindakan Sultan Ibrahim mengenakan syarat agar keutamaan jawatan dalam pentadbiran awam negeri perlu diberikan kepada orang Melayu terlebih dahulu bagi menjaga kedudukannya sebagai pemerintah dan peranan kakitangan awam Melayu yang berkhidmat dibawahnya. Penekanan ini dibuat sebelum baginda menandatangani pindaan perjanjian yang bakal dilaksanakan. Perkhidmatan Negeri Johor yang terbentuk pada tahun 1895 juga dilihat turut membantu mengekalkan peranan kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran. Perkara ini terbukti apabila pihak kolonial British terpaksa akur untuk mengekalkan kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran Johor selepas penguasaan mereka pada tahun 1914. Tindakan bijak Sultan Ibrahim ini dilihat membantu mengekalkan kedudukan kakitangan awam Melayu dalam jabatan-jabatan kerajaan untuk terus berkhidmat walaupun kolonial British telah bertapak di Johor. Perkembangan kakitangan awam dalam jabatan boleh dilihat berdasarkan jadual di bawah.

Jadual 1: Jumlah Kakitangan Awam Mengikut Kaum Pada Tahun 1916,1919,1925,1932,1938 dan 1941.

Tahun	Kaum				Jumlah keseluruhan
	Melayu	Inggeris	Cina	India	
1916	519	49	33	11	612
1919	691	74	38	20	823
1925	1019	151	98	71	1339
1932	1954	279	215	180	2628

1938	2157	386	266	211	3020
1941	2557	432	339	291	3619

Sumber: *List of Establishments 1916,1919,1925,1932,1938 dan 1941*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Jadual menunjukkan jumlah kakitangan awam negeri di Johor pada tahun 1916, 1919, 1925, 1932, 1938 dan 1941 mengikut kaum. Jumlah kakitangan awam negeri menunjukkan perkembangan selari dengan pertambahan jabatan yang ditubuhkan bagi melicinkan dan memantapkan lagi pentadbiran kolonial British di Johor mengikut keperluan semasa. Bermula dengan hanya 612 orang kakitangan yang berkhidmat dalam jabatan, struktur organisasi pentadbiran Johor berkembang menjadi 3619 orang kakitangan menjelang tahun 1941. Pertambahan kakitangan ini adalah untuk memenuhi keperluan skop kerja dalam jabatan yang semakin berkembang.

Pada tahun 1916, jumlah kakitangan awam negeri adalah seramai 612 yang menggerakkan 32 buah jabatan dengan 519 orang penjawat merupakan kaum Melayu. Manakala 93 orang lagi merupakan penjawat awam berbangsa Inggeris, Cina dan India. Daripada tiga bangsa ini, penjawat berbangsa Inggeris merupakan penjawat paling ramai iaitu seramai 49 orang dan 13 orang daripada mereka menjawat jawatan Ketua Jabatan bagi jabatan-jabatan penting seperti Jabatan Penasihat Am, Jabatan Tanah, Jabatan Kaji Selidik, Jabatan Kastam dan sebagainya. Seterusnya, baki 44 orang penjawat lain merupakan penjawat Cina dan India. Keadaan ini menunjukkan kaum-kaum lain turut sama bekerja dalam pentadbiran. Namun, jumlah mereka masih sedikit dan kehadiran mereka ini tidak menjejaskan kedudukan dan jumlah kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran kerajaan Johor.

Seterusnya, pada tahun 1919, jumlah penjawat awam yang bekerja di jabatan kerajaan Johor mengalami peningkatan sebanyak 211 orang menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak 823 orang menerajui 36 buah jabatan kerajaan. Kakitangan awam Melayu dilihat masih lagi menduduki tangga tertinggi yang berjaya memegang jawatan hampir kesemua jabatan-jabatan negeri Johor iaitu seramai 691 orang. Situasi ini dibuktikan dengan jumlah pertambahan kakitangan awam Melayu yang dilantik pada tahun tersebut adalah sebanyak 166 orang dalam tempoh 4 tahun. Berbeza pula dengan penjawat Cina dan India yang dilihat hanya mengalami pertambahan sebanyak 8 orang bagi penjawat Cina dan 7 orang sahaja bagi penjawat India sepanjang tempoh 4 tahun tersebut.

Seramai 25 orang kakitangan baru bagi pegawai Inggeris telah diambil bekerja dalam tempoh 4 tahun dan 14 orang daripada mereka ini memegang jawatan Ketua Jabatan. Walaupun jumlah mereka kecil, namun peranan pegawai Inggeris jauh lebih penting berbanding kakitangan awam Melayu. Hal ini kerana pihak kolonial British dilihat lebih mengutamakan pegawai Inggeris untuk mengetuai sesebuah jabatan dan membelakangkan kakitangan awam Melayu. Keadaan ini menyebabkan kakitangan awam Melayu hanya memegang jawatan sampingan sahaja dan kekal sebagai pembantu bagi Ketua Jabatan yang kebanyakannya disandang oleh Pegawai Inggeris. Seterusnya, pada tahun 1925 iaitu 6 tahun kemudian, jumlah kakitangan awam meningkat sebanyak 516 orang menjadikan jumlah keseluruhan tenaga kerja dalam jabatan pentadbiran adalah sebanyak 1339 orang. Sama seperti tahun-tahun sebelumnya, kakitangan awam Melayu masih lagi mendahului jawatan dalam organisasi pentadbiran kolonial British di Johor iaitu sebanyak 1019 orang dan memegang 76.1% daripada keseluruhan kakitangan yang bekerja dalam jabatan kerajaan. Manakala kaum India masih lagi menduduki tangga paling rendah iaitu sekadar 5.3% mewakili seramai 71 orang. Kebanyakan

mereka ini bekerja di Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kesihatan sebagai kakitangan sokongan. 11.3% lagi merupakan kakitangan Inggeris dan 7.3% pula merupakan kakitangan kaum Cina.

Menjelang tahun 1932, pihak kolonial British mula mengambil kakitangan awam Cina dan India dalam skala yang besar. Dalam tempoh tujuh tahun, seramai 117 orang kaum Cina dan 109 orang kaum India diambil berkhidmat dalam pentadbiran negeri Johor. Kebanyakan mereka ini berkhidmat di Jabatan Kesihatan, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Tinjau (*Survey Department*). Manakala 128 orang lagi merupakan kakitangan Inggeris dan kakitangan awam Melayu masih lagi menguasai kelompok terbanyak iaitu seramai 935 orang kakitangan awam baru. Keadaan ini menjadikan jumlah keseluruhan kakitangan baru yang diambil bekerja adalah seramai 1289 orang dalam tempoh tujuh tahun. Penubuhan jabatan-jabatan baru dibawah kawalan Jabatan Kerja Raya iaitu Cawangan Bekalan Air dan Cawangan Bekalan Elektrik bermula pada tahun 1934 menyebabkan keperluan tenaga kerja kakitangan awam meningkat (Ichiro Sugimoto, 2011). Menjelang tahun 1938, satu lagi jabatan ditubuhkan iaitu Jabatan Parit dan Saliran. Pertambahan jabatan inilah yang mempengaruhi pertambahan kakitangan awam dalam jabatan. Sehingga tahun 1941, jumlah keseluruhan jabatan yang terdapat dalam pentadbiran Johor ialah sebanyak 49 buah jabatan dengan kekuatan tenaga kerja seramai 3619 orang kakitangan awam negeri yang bekerja dalam jabatan. Kakitangan awam Melayu masih lagi kekal menduduki tangga teratas yang menjadi keutamaan dalam perlantikan dalam bahagian jabatan.

Penguasaan kolonial British terhadap negeri Johor tidak mampu memutuskan keperluan tenaga kerja dalam kalangan kakitangan awam Melayu dalam organisasi pentadbiran. Situasi ini dibuktikan dengan pengkalan perkhidmatan kakitangan awam Melayu dalam urusan pentadbiran negeri walaupun Johor telah dikuasai kolonial British. Walau bagaimanapun, pihak kolonial British dilihat lebih mengutamakan kakitangan Inggeris untuk memegang jawatan tertinggi seperti jawatan Ketua Jabatan bagi jabatan-jabatan penting dalam kerajaan. Pada mulanya, kerajaan menetapkan semua ketua-ketua jabatan pentadbiran mestilah terdiri daripada kakitangan awam Melayu. Sekiranya Pegawai Inggeris yang dilantik menjadi ketua jabatan, seorang kakitangan Melayu perlu dilantik sebagai penolong di bawahnya supaya mempelajari selok-belok pelaksanaan dan tanggungjawab ketua jabatan. Kebiasaannya jawatan yang diisi oleh pegawai Inggeris ini merupakan jawatan yang dianggap anak tempatan tidak mempunyai pengetahuan atau latihan. Perlantikan pegawai Inggeris ini bertujuan untuk mendapatkan ilmu dan pengalaman mereka dalam pentadbiran barat sebagai ketua jabatan. Ini bertujuan untuk menghapuskan pergantungan kepada nasihat orang asing kelak. Walau bagaimanapun, usaha ini dilihat kurang berhasil sebaliknya memberi peluang dan ruang kepada pihak kolonial British untuk terus kekal mendominasi kuasa di jabatan-jabatan tertentu dalam kerajaan.

Jadual 2: Perbandingan Jumlah Ketua Jabatan bagi Kaum Melayu dan Inggeris Pada Tahun 1916,1919,1925,1938 dan 1941.

Tahun	Jumlah Jabatan	Ketua Jabatan (kaum)	
		Melayu	Inggeris
1916	33	20	13
1919	36	22	14
1925	41	22	19
1938	44	21	23
1941	49	21	28

Sumber: *List of Establishments 1916,1919,1925,1932,1938 dan 1941*.Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia

Jadual 2 menunjukkan perbandingan jumlah ketua jabatan bagi kaum Melayu dan Inggeris bagi tahun 1916,1919,1925,1938 dan 1941. Analisis data menunjukkan jumlah ketua jabatan bagi kakitangan berbangsa Inggeris menunjukkan peningkatan seiring dengan pertambahan jabatan dalam kerajaan bagi setiap tahun. Bermula dengan hanya 13 orang kakitangan berbangsa Inggeris dilantik sebagai ketua jabatan dalam pentadbiran pada tahun 1916, jumlah ini terus bertambah dari tahun ke tahun. Pertambahan ketua jabatan berbangsa Inggeris ini disebabkan keperluan mengisi kekosongan jawatan bagi jabatan-jabatan yang baru dibuka seperti Jabatan Bekalan Tenaga Elektrik, Jabatan Air dan Saliran yang ditubuhkan mengikut keperluan semasa. Perlantikan mereka ini disebabkan ketiadaan pengalaman dan kepakaran daripada kakitangan awam Melayu untuk mengisi kekosongan jawatan di jabatan-jabatan baru ini.

Pihak kolonial British bertindak mengetepikan kakitangan awam Melayu berpengalaman sebagai Ketua Jabatan. Di Jabatan Kastam, Encik Mohamed Taib Bin Talib telah menyandang jawatan Penolong Pesuruhjaya selama enam belas tahun tetapi tidak dinaikkan pangkat sebagai Pesuruhjaya Kastam. Sebaliknya, jawatan Pesuruhjaya Kastam silih berganti diketuai oleh pegawai Inggeris sedangkan jika dinilai dari segi pengalaman dan peraturan yang ditetapkan oleh sultan, Encik Mohamed Taib Bin Talib ini layak pengetuai Jabatan Kastam. Keadaan ini bertentangan dengan matlamat dan strategi yang dirancang oleh sultan Johor untuk tidak mahu bergantung harap pada nasihat kolonial British. Walau bagaimanapun, peraturan penetapan kakitangan awam Melayu di bawah pegawai Inggeris sekiranya mereka menjadi ketua jabatan sedikit sebanyak memberi peluang kepada kakitangan awam Melayu untuk terus menjawat jawatan tertinggi dalam jabatan walaupun sebagai pembantu ketua jabatan sahaja.

Pengenalan Sistem Berseiring

Satu sistem berseiring mula dilaksanakan selepas kehadiran dua pegawai Inggeris yang mentadbir jajahan mengikut bidang kuasa masing-masing (M.A. Fawzi Basri, 1983). Kehadiran mereka ini bertujuan membantu kakitangan awam Melayu mengurus tadbir kawasan jajahan negeri Johor. Kesannya, walaupun jawatan kakitangan awam Melayu tidak dimansuhkan, namun kehadiran pegawai-pegawai Inggeris dalam pentadbiran negeri Johor ini dilihat telah mengganggu-gugat kedudukan dan peranan hakiki kakitangan awam Melayu. Perlantikan D.G Campbell sebagai Penasihat Am Johor dilihat cuba menyaingi jawatan Menteri Besar. Kuasa dan peranan Penasihat Am semakin meluas dengan penubuhan Majlis Kerja Dewan. Penubuhan Majlis Kerja Dewan ini membolehkan Penasihat Am menjadi salah seorang daripada anggotanya. Majlis Kerja Dewan ini berfungsi dalam hal ehwal berkaitan urusan tanah, hasil tanaman pertanian dan galian, segala kerja pentadbiran negeri, urusan kenaikan pangkat dan cadangan penggubalan undang-undang negeri (Rahimah Abdul Aziz,1997). Rentetan itu, Penglibatan Penasihat Am dalam badan tertinggi pentadbiran ini

dilihat membolehkan beliau berurusan secara langsung dalam urusan ekonomi dan pentadbiran negeri Johor. Situasi ini sekali gus menyebabkan peranan Menteri Besar dan Setiausaha Negeri mula tergugat dengan kehadiran Penasihat Am dalam pentadbiran negeri Johor.

Kehadiran Penasihat Am dalam pentadbiran negeri Johor ini jelas tidak disenangi oleh orang Melayu. Bantahan dibuat oleh editor akhbar popular tempatan iaitu *Warta Melayu* melalui penulisannya,

“Syahdan sebelum Johor menerima seorang Pegawai British menjadi Penasihat Amnya dan sehingga beberapa tahun kemudian daripada telah ada Penasihat itu, maka kita ada mengetahui iaitu Setiausaha Kerajaan Johor itu ialah sebenarnya Jurucakap jawatan dan segala perkara yang berkenaan dengan kerajaan akan tetapi dengan pelahan-lahan kuasa Setiausaha Kerajaan Johor itu telah berkurang daripada dahulu sehingga pegawai-pegawai yang besar dalam jawatan Johor seolah-olahnya telah menjadi pengutus surat-surat kepada Penasihat Am... dan pada tentang-tentanganya bahawa pekerjaan yang diperbuat oleh Setiausaha Kerajaan itu tidak berubah lagi dengan pekerjaan seorang Kerani Besar di dalam sesuatu kerajaan.”

Penulisan ini menjelaskan kedudukan Setiausaha Negeri dalam pentadbiran terjejas dengan kehadiran Penasihat Am. Segala tanggungjawab Setiausaha Kerajaan dalam pentadbiran mula beralih tangan ke Penasihat Am walaupun pada hakikatnya Penasihat Am dan Setiausaha Negeri adalah setaraf. Peranan Setiausaha Negeri mula diketepikan dan Penasihat Am kini lebih berkuasa dan mula mengambil alih peranan sebagai jurucakap kerajaan yang dahulunya merupakan kuasa Setiausaha Negeri.

Selain itu, pada tahun 1912 apabila satu perjanjian dibuat untuk menerangkan semula skop kerja di antara Pesuruhjaya Tinggi Kerajaan dan Penolong Penasihat British yang ditempatkan di setiap daerah. Melalui perjanjian ini, Pesuruhjaya Tinggi diminta untuk bekerjasama dengan Penolong Penasihat dalam melaksanakan tugas mereka di bahagian daerah. Rentetan daripada perjanjian ini, berlaku perubahan dalam bidang kuasa Pesuruhjaya Tinggi Kerajaan dalam pentadbiran.

Golongan Wanita Sebagai Kakitangan Awam Melayu

Golongan wanita dilihat turut diberi peluang dalam menjawat jawatan dalam pentadbiran kolonial British di Johor. Namun, kehadiran golongan wanita dalam organisasi pentadbiran kolonial British ini tidaklah begitu ketara sebaliknya mereka ini merupakan golongan minoriti. Hal ini kerana golongan wanita dilihat hanya menjawat jawatan sebagai guru di sekolah Melayu perempuan dan ada segelintir juga berkhidmat sebagai bidan dalam Jabatan Kesihatan. Walaupun jumlah mereka tidak seramai seperti kakitangan awam Melayu lelaki, namun tidak dapat dinafikan kehadiran mereka ini dilihat turut membantu melancarkan pengurusan dalam pentadbiran. Penglibatan golongan wanita dalam pengurusan pentadbiran kolonial British bertambah tahun demi tahun. Hal ini dibuktikan berdasarkan jadual di bawah:

Jadual 3: Jumlah kakitangan Awam Wanita dalam Pentadbiran Kolonial British di Johor Pada Tahun 1916,1919,1925,1932 dan 1941.

Tahun	Kakitangan awam wanita			Jumlah keseluruhan
	Guru	Jururawat/ bidan	Lain-lain pekerjaan	
1916	1	-	-	1
1919	7	-	-	7
1925	8	-	-	8
1932	59	9	5	73
1941	117	7	7	131

Sumber: *List of Establishment 1916,1919,1925,1932 dan 1941*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia

Berdasarkan jadual tersebut, bermula dengan seorang sahaja kakitangan wanita yang berkhidmat sebagai guru pada tahun 1916. Jumlah kakitangan awam wanita dilihat terus bertambah tiga tahun berikutnya menjadi 7 orang orang kaum wanita berkhidmat pada tahun 1919. 4 orang daripada mereka merupakan guru di Sekolah Melayu Perempuan, manakala 3 orang yang lain merupakan guru mengaji di sekolah yang sama. Kehadiran golongan wanita sebagai guru tidaklah mengalami perkembangan ketara. Hal ini boleh dilihat apabila 6 tahun kemudian, iaitu pada tahun 1925 hanya 8 orang guru wanita sahaja yang berkhidmat dalam pentadbiran kolonial British. Kehadiran guru dalam kalangan wanita ini merupakan salah satu usaha pihak kolonial British melantik golongan wanita yang berkelayakan untuk menjadi tenaga pengajar di Sekolah Perempuan Melayu. Perkembangan Sekolah Melayu Perempuan juga dilihat berkembang dengan baik. Hal ini dibuktikan dengan pembukaan sekolah-sekolah tersebut di Johor seperti daerah Muar pada tahun 1911, daerah Batu Pahat pada tahun 1918 dan daerah Johor Bharu pada tahun 1928 (Anna Maree Daukakis,2012). Pembukaan sekolah perempuan di Johor membolehkan kaum wanita mula memenuhi jawatan sebagai guru. Hal ini menjadikan bilangan kaum wanita meningkat mendadak seiring dengan perkembangan sekolah perempuan.

Seterusnya, tujuh tahun kemudian iaitu pada tahun 1932 berlaku pertambahan ketara kakitangan awam wanita dalam pentadbiran kolonial British di Johor. Keupayaan golongan wanita ini turut diakui oleh Cheeseman dalam kenyataannya:

“The Johor Malay Girls’ schools have a deservedly high reputation throughout the Peninsula and are visited by educationalists from all over Malaya. Though they are regarded as better than parallel schools elsewhere, yet much remains to be done; but a valuable tradition is being created.”

Kenyataan tersebut jelas memaparkan kebanggaan Cheeseman terhadap keupayaan guru wanita dalam mendidik di sekolah-sekolah Melayu perempuan di Johor. Beliau juga berpendapat guru wanita Johor dilihat antara yang terbaik di Tanah Melayu. Namun, penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi memastikan guru wanita ini terus berkhidmat dengan cemerlang. Pihak kolonial British juga dilihat sentiasa memperbaharui dan mengemaskini pendidikan kaum wanita di Johor. Hal ini dibuktikan apabila Jabatan Pendidikan Johor pada tahun 1938 mula menyasarkan matlamat untuk melahirkan lebih ramai lagi golongan wanita berupaya bertutur dalam bahasa Inggeris. Selain itu, kakitangan awam wanita juga turut diberi peluang untuk berkhidmat sebagai *“Domestic Science Mistress”* dan *“Needlework Mistress”*

di sekolah-sekolah Melayu perempuan. Akhirnya, menjelang tahun 1941, sebanyak 117 orang guru dilantik menjawat jawatan guru.

Di samping itu, golongan wanita ini tidak hanya terlibat sebagai seorang guru tetapi turut terlibat dalam bahagian kesihatan sebagai jururawat dan bidan. Menariknya, pada mulanya bidang kuasa jururawat dan bidan ini banyak dimonopoli oleh kaum wanita berbangsa Inggeris. Namun, pada tahun 1932 wanita Melayu akhirnya terlibat dalam sektor kesihatan moden pula. Hal ini dapat dilihat apabila 9 orang daripada 73 orang kakitangan awam Melayu wanita bekerja dalam sektor kesihatan sebagai jururawat dan bidan. Walau bagaimanapun, kehadiran mereka pada tahun 1941 berkurang menjadi 7 orang sahaja iaitu 2 orang berkhidmat sebagai jururawat kelas B dan selebihnya sebagai bidan.

Pelantikan kaum wanita Melayu sebagai kakitangan dalam pentadbiran kolonial British di Johor ini menunjukkan pihak kolonial British keterbukaan mereka membenarkan kaum wanita Melayu terlibat dalam perkhidmatan kerajaan. Malah pihak kolonial British juga menyokong penglibatan kaum wanita ini dengan berusaha meningkatkan prestasi golongan wanita Melayu dengan membuka lebih banyak sekolah perempuan bagi memastikan mereka turut menerima pendidikan yang sama seperti kaum lelaki. Selain itu, situasi ini juga jelas menunjukkan keperluan penjawat awam dalam kalangan wanita untuk memenuhi jawatan-jawatan khas yang memerlukan tenaga kerja kaum wanita. Tuntasnya, persepsi bahawa kaum wanita hanya perlu duduk di rumah menguruskan hal ehwal rumah tangga semata-mata perlu disangkal. Hakikatnya, kaum wanita juga mempunyai potensi dan kebolehan untuk keluar bekerja sama seperti kaum lelaki.

Kesimpulan

Peranan kakitangan awam Melayu dalam membantu pengurusan pentadbiran negeri Johor telah bermula sejak zaman pemerintahan Temenggung Daeng Ibrahim lagi. Penglibatan mereka ini dalam pengurusan pentadbiran negeri Johor membolehkan kakitangan awam Melayu menimba pengalaman dalam selok-belok urusan pentadbiran. Kecekapan mereka ini juga sekali gus membantu negeri Johor melahirkan sebuah institusi pentadbiran yang kukuh dan teratur. Hal ini memberi secara tidak langsung memberi kekuatan kepada Johor untuk terus mempertahankan kemerdekaannya. Bukan sahaja didorong oleh hubungannya yang rapat dengan Singapura, tetapi kekuatan Johor lahir dari kecekapan pemerintah dan juga barisan kakitangan yang mentadbir negeri Johor. Namun, kekuatan pentadbiran negeri Johor mulai goyah dengan perlantikan seorang penasihat British yang bertanggungjawab menasihati sultan tentang semua hal-hal berkaitan kecuali hal-hal berkaitan agama dan adat istiadat orang Melayu.

Pihak kolonial British dilihat bijak mengatur strategi pentadbiran dalam menguasai tampuk pentadbiran Johor yang telah kukuh. Penglibatan kakitangan awam Melayu yang bekerja dalam jabatan kerajaan banyak memegang jawatan sebagai kakitangan bawahan dan kakitangan sokongan dalam jabatan kerajaan. Kedudukan kakitangan awam Melayu mulai tergugat dengan kehadiran pegawai Inggeris kerana tanggungjawab yang selama ini dipegang sepenuhnya oleh kakitangan awam Melayu mula beralih arah kepada pegawai Inggeris. Kehadiran kakitangan awam Melayu seterusnya lebih tertumpu sebagai kakitangan bawahan dan sokongan. Namun, kehadiran kakitangan awam Melayu ini secara langsung memberi banyak kelebihan dan kepentingannya yang tersendiri kepada pihak kolonial British dalam urusan pentadbiran. Hal ini kerana, kelayakanantikan kakitangan awam Melayu ini diukur berlandaskan pengetahuan dan kemampuan dalam membantu mengurus tadbir pentadbiran negeri Johor. Rentetan itu,

kehadiran kakitangan awam Melayu ini hakikatnya banyak membantu pihak kolonial British dalam pengurusan pentadbiran di bahagian jabatan. Oleh sebab itu, pihak kolonial terus mengekalkan fungsi dan peranan kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran Johor.

Rujukan

- Annual Report Johore 1935*. Arkib Negara Malaysia (ANM)
- Annual Report Johore 1911*. ANM
- Ahmad Fawzi Basri. (1988). *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Arnold P. Kaminsky & Roger D. Long (ed.). (2016). *Nationalism and Imperialism in South and Southeast Asia: Essays Presented to Damodar R. SarDesai*. Los Angeles: University of California.
- Anna Maree Daukakis.(2012). *Now We Want Malays to a Wakes: Malay Women Teachers in Colonial Johor and Thier Legacy*. Faculty of Art Social Science. Australia: University of New South Wales Australia.
- Eunice Thio. (1967). British Policy Toward Johore From Advice to Control. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 40. No. 1 (211).
- Fawzi Basri & Hasrom Haron. (1978). *Sejarah Johor Moden 1855-1940: Satu Perbincangan Dari Pelbagai Aspek*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara.
- Ichiro Sugimoto. (2011). *Pentadbiran Kewangan Kolonial Johor*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- JSUK 4 :Records of Service and Leave of Malay Officers 1922*.
- JSUK 4:List of Establissements 1914*. ANM
- JSUK 4:List of Establissements 1916*.ANM
- JSUK 4: List of Establissements 1919*.ANM
- JSUK 4:List of Establissements 1925*.ANM
- JSUK 4:List of Establissements 1932*.ANM
- JSUK 4:List of Establissements 1938*.ANM
- JSUK 4:List of Establissements 1941*.ANM
- J/PB 4: Goverment of Johore Salary Scheme- 1 July 1938*. ANM
- M. A. Fawzi Basri. Dari Sistem Residen ke Sistem Pesuruhjaya Kerajaan 1855-1917: Latar Belakang , Pengasasan dan Perkembangan Pentadbiran Jajahan dan Daerah di Johor. *Malaysia Dari segi Sejarah. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Bil. 12*. 1983.93.
- Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*. Vol. 40 (2). Ahmad Jaffari Ahmad Zaini & Mohd Samsuddin. Asal Usul Perkhidmatan Awam dan Sistem Pentadbiran di Tanah Melayu: Kajian Terhadap Perkembangan Awal di Pulau Pinang. 9th International Conference on Malaysia-Indonesia Relations (PAHMI 9).Faculty of Social Sciences Yogyakarta State University, 15-16 September 2015.
- Mohd Sarim Haji Mustajab. (1993). Malay Elite Participation in the Johor Civil Service: Its Origin and Development Until the 1930's. *Jebat*. Bil. 21.
- Mohd Samsudin. (2013) Tawarikh Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor: Sebuah Karya Sejarah Negeri Johor dalam Zaman Pentadbiran British. *Jebat*. Bil.40(2).
- Nordin Selat. (1976). *Kelas Menengah Pentadbir Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Utusan Melayu.
- O. Wistedt. (1992). A History of Johore. *MBRAS Reprint No. 6*.
- Rahimah Abdul Aziz.(1997). *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Report of Education 1933*. ANM

Report of Education 1938. ANM

Report of Education 1941. ANM

Robert Heussler. (1981). *British Rule in Malaya: The Malayan Civil Service and its Predecessors, 1867-1942*. United Kingdom: Oxford England.

Shaharom Husain. (1995). *Sejarah Johor: Kaitannya dengan Negeri Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Yeo Kim Wah. (1971). *British Policy Toward The Malays in The Federated Malay States, 1920-1940*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Canberra: Australian National University.

_____. 1981. *The Malays: A Cultural History*. Singapura: Graham Brash; A.C.

_____. (2000). Pemodenan Johor: Peranan Golongan Pembesar. Seminar
Sejarah dan Budaya Johor Tahun 2000: Pemantapan Sejarah dan Budaya
Pada Alaf Baru. 3-6 Mei 2000. Johor Bharu.

_____. Penjajahan, Proses Pembaratan dan Penentangan Elit Johor. *Jurnal Warisan Johor*. Yayasan Johor.